

26 APR 1998

AGONG, DR MAHATHIR MENGHANTAR PERUTUSAN KEPADA MANDELA

KUALA LUMPUR, 26 April (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah menyampaikan ucapan tahniah kepada Presiden Afrika Selatan, Nelson Mandela sempena hari pembebasan negara itu daripada belunggu aparteid.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan oleh Wisma Putra, Tuanku Ja'afar dan Tuanku Najihah menyatakan keyakinan mereka bahawa hubungan baik dua hala yang sedia ada akan dipertingkatkan lagi di tahun-tahun akan datang di bawah pimpinan Mandela.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga menyampaikan ucapan tahniahnya kepada Mandela.

"Saya yakin yang perdamaian dan pembinaan semula yang diusahakan oleh kerajaan anda akan membawa kepada Afrika Selatan yang makmur dan tidak lagi bersikap perkauman," kata Dr Mahathir yang mengesahkan komitmen Malaysia ke arah memperkukuhkan lagi hubungan dua hala.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi juga menyampaikan tahniah kepada rakan sejawatannya di Afrika Selatan, Alfred Nzo, sempena hari itu.

-- BERNAMA

RAZ PR